

Nama : Kelas :



قَسْبِيْدُ عَنْ قَحْوَادِ اِنْجَلِيْسِيْزِ وَخَتَوَا
مَعْمَلَاكَ اِحَايَا سَكُوْلَهْ مِنْ غَبْرَاوَا (مَرْعَب) بِنْتُوَانِ
يَا يَاسَن اِسْلَام كَلْتَن



3766/1
Perniagaan
Kertas 1
September 2024
1 jam 15 minit

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2024 M / 1446 H**

**PERNIAGAAN
KERTAS 1**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40 soalan**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

SULIT

©2024 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

PERCUBAAN SPM YIK PERNIAGAAN K1

[LIHAT HALAMAN SEBELAH


1. Apakah kepentingan pemiagaan kepada sesebuah pemiagaan?
 - A Meningkatkan imej pemiagaan
 - B Mengukuhkan kedudukan pemiagaan
 - C Menambahkan pendapatan pemiagaan
 - D Meningkatkan taraf hidup masyarakat
2. Di antara berikut, manakah organisasi yang bermotifkan untung (OBU)?
 - A Mercy Malaysia
 - B Rumah Kebajikan Anak Yatim Darul Hikmah
 - C Persatuan Pengguna Negeri Kelantan
 - D Pemiagaan Dobi Warisan Timur
3. Maklumat di bawah berkaitan satu bentuk milikan pemiagaan.

Pemiagaan Jejari Sulaman Enterprise memperoleh peningkatan jualan sebanyak 40% pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya.

Antara berikut, yang manakah kelebihan jenis milikan di atas?

- I Kebebasan membuat keputusan
 - II Risiko pemiagaan dapat disebarkan
 - III Pemiagaan kekal berterusan
 - IV Mudah ditubuhkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

4. Rajah 1 berkaitan dengan sektor pemiagaan.




Rajah 1

Apakah pekerjaan yang mewakili sektor X?

- A Jurutera
- B Buruh binaan
- C Penternak ayam
- D Pemborong sayur

5. Rajah 2 menunjukkan skala perniagaan.



Pernyataan manakah berkaitan dengan Y?

- A Melibatkan penjualan produk bagi pasaran Malaysia dan Thailand
 - B Menjual produk di antara Jeli dan Tumpat
 - C Membekalkan barang dan perkhidmatan di Pasir Mas
 - D Melibatkan penjualan suatu produk di Malaysia sahaja
6. Gambar 1 menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan.



Gambar 1

Apakah peranan agensi tersebut?

- A Mempromosikan produk dan perkhidmatan kepada pengguna
 - B Memastikan produk di pasaran menepati piawaian yang ditetapkan
 - C Membiaya modal perniagaan untuk memulakan perniagaan
 - D Meningkatkan nilai perkembangan keluaran berasaskan minyak sawit Malaysia
7. Gambar 2 menunjukkan logo pihak berkuasa tempatan (PBT).



Gambar 2

Apakah peranan pihak tersebut?

- A Mewujudkan kawasan industri di daerah Tumpat
- B Menyediakan lokasi strategik untuk projek pertanian
- C Menyediakan sumber pembiayaan kepada usahawan kecil
- D Mewujudkan pasar dan gerai menjual makanan dan buah-buahan di daerah Tumpat

8. Maklumat berikut menunjukkan sejenis pengangguran.

Encik Arif bekerja sebagai buruh binaan di kawasan perumahan yang baru dibina, projek pembinaan rumah tersebut dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun. Encik Arif terpaksa mencari pekerjaan baharu apabila projek tersebut tamat.

Pengangguran di atas dikenali sebagai

- A pengangguran bermusim
- B pengangguran struktur
- C Pengangguran teknologi
- D Pengangguran kitaran


9. Situasi di bawah berkaitan dengan satu masalah ekonomi.

Satu fenomena kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan.

Bagaimanakah pihak Bank Negara Malaysia mengatasi masalah tersebut?

- A Meningkatkan kadar faedah pinjaman kewangan
- B Menambah pengeluaran mata wang negara
- C Mengurangkan kadar faedah simpanan di bank
- D Menggalakkan pengeluaran produk secara besar-besaran

10. Rajah 3 menunjukkan graf jualan sebuah pemiagaan untuk suatu tempoh.



Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi graf tersebut?

- I Berlaku bencana alam
 - II Gaya pengurusan yang cekap dan sistematik
 - III Penyelidikan dan pembangunan sangat berjaya
 - IV Aktiviti pemasaran yang dilaksanakan kurang berkesan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11. Maklumat di bawah berkaitan dengan gaya pengurusan.

- Pekerja kurang bermotivasi.
- Tahap disiplin yang rendah.

Apakah gaya pengurusan tersebut?

- A Gaya pengurusan autokratik
- B Gaya pengurusan demokratik
- C Gaya pengurusan sokongan
- D Gaya pengurusan laissez-faire

12. Sumber manusia luaran merujuk kepada pengambilan pekerja dari luar organisasi. Keperluan tenaga ini memerlukan kos yang tinggi kerana

- A Kos upah yang mahal
- B Penyusunan semula dalam organisasi
- C Kos merekrut yang tinggi
- D Kos motivasi pekerja

13. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Husna.

Puan Husna telah menubuhkan pemiagaan Kraftangan Eksklusif di Wakaf Bharu, Kelantan pada 1 Januari 2024.

Apakah visi yang sesuai bagi pemiagaan Puan Husna?

- A Ingin mencapai sasaran jualan sebanyak 200 unit bakul rotan sebulan
- B Ingin melahirkan pekerja yang mahir dan cekap membuat bakul rotan
- C Untuk menjadi sebuah pemiagaan kraf tangan pilihan pelanggan dan terkemuka
- D Untuk menjadi sebuah pemiagaan yang berjaya menghasilkan pengeluaran sebanyak 300 unit sebulan

14. Maklumat berikut berkaitan pengeluaran Syarikat Berjasa Sendirian Berhad.


Syarikat Berjasa Sendirian Berhad bercadang untuk menghasilkan baju sukan. Berikut ialah maklumat yang diberikan oleh pengurus kewangan syarikat.

Sewa kilang setahun	: RM 25 000
Jumlah gaji pekerja setahun	: RM 20 000
Kos berubah seunit baju sukan	: RM 20
Harga jualan seunit baju sukan	: RM 50

Berapakah unit baju sukan yang perlu dikeluarkan dan dijual sepanjang tahun untuk syarikat mencapai titik pulang modal (TPM)?

- A 1 500
- B 1 000
- C 900
- D 500

15. Rajah 4 menunjukkan syer pasaran bagi tiga buah perniagaan.



Rajah 4

Maklumat yang manakah dapat menerangkan syer pasaran dalam rajah di atas?

- A Perniagaan Baba Fried Chicken dapat menguasai paling ramai pengguna
- B Perniagaan Ayam Goreng Cheese boleh menjadi pemimpin dalam pasaran
- C Sebarang tindakan yang dibuat oleh AFC Fried Chicken akan diikuti oleh peniaga lain
- D Keuntungan perniagaan Baba Fried Chicken mengalami kemerosotan sebanyak 20%

16. Maklumat berikut berkaitan dengan salah satu bahagian fungsian dalam organisasi.

- Menyediakan dokumen syarikat.
- Mengurus, menyimpan dan menerima rekod.
- Mengendalikan mesyuarat syarikat.

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Bahagian fungsian kewangan
- B Bahagian fungsian pentadbiran
- C Bahagian fungsian sumber manusia
- D Bahagian fungsian khidmat pelanggan

17. Antara tugas pengurus dalam bahagian pengeluaran adalah bertanggungjawab memastikan semua bahan input berada dalam keadaan baik. Perkara ini merujuk kepada

A kawalan keselamatan
 B kawalan semasa
 C kawalan selepas
 D kawalan awalan

18. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu aplikasi teknologi maklumat yang digunakan oleh sebuah syarikat pemiagaan dalam talian.



Apakah Y?

A e-banking
 B e-pemasaran
 C e-dagang
 D e-mail

19. Maklumat berikut berkaitan dengan unsur dalam proses komunikasi.

- Penting untuk mengukur tahap keberkesanan dalam proses komunikasi.
- Boleh terdiri daripada tulisan, kata atau isyarat badan.

Apakah unsur tersebut?

A Enkod
 B Dekod
 C Maklum balas
 D Saluran

20. Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.

Encik Hadi merupakan pengurus sumber manusia sebuah syarikat telekomunikasi. Beliau telah mengagihkan sumber manusia ke setiap jabatan iaitu kewangan, pengeluaran dan pemasaran. Semua jabatan menyediakan tempat kerja yang kondusif.

Apakah aspek tersebut?

A Penyelesaian masalah
 B Peningkatan pengalaman
 C Penghargaan dan hukuman
 D Penempatan pekerja dan fasiliti

21. Mengapakah kemahiran kebolehkerjaan penting kepada pekerja?

- A Pekerja dapat melaksanakan kerja dengan cekap
- B Memudahkan pekerja untuk naik pangkat
- C Pekerja akan dibayar dengan gaji yang tinggi
- D Pekerja tidak memerlukan tunjuk ajar

22. Apakah kelebihan struktur organisasi berdasarkan geografi?

- A Mempunyai cawangan di seluruh negara
- B Menyediakan pelbagai perkhidmatan
- C Mengekalkan pekerja yang berpengalaman
- D Sangat sesuai digunakan oleh pemiagaan yang baru dibuka

23. Apakah faktor yang dipertimbangkan oleh seseorang majikan untuk menentukan pembayaran gaji kepada pekerjaanya?

- I Bilangan pekerja tetap
 - II Ganjaran yang dibayar oleh pesaing
 - III Peraturan dan undang-undang kerajaan
 - IV Jumlah produk yang dikeluarkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24. Gambar 3 di bawah menunjukkan sejenis produk pemiagaan.




Gambar 3

Apakah tujuan utama pemiagaan tersebut mengurus produk siap di atas?

- A Supaya produk sentiasa mencukupi
- B Supaya produk sentiasa disimpan secara sistematik
- C Supaya dapat mempercepatkan urusan pemiagaan
- D Supaya kualiti produk berada dalam keadaan baik



25. Rajah 5 di bawah menunjukkan proses pengeluaran yang melibatkan sebuah kilang pakaian.



Apakah sumber teknologi yang sesuai bagi perniagaan X?

- A Kain
 - B Kilang
 - C Mesin jahit
 - D Kemahiran pekerja
26. Berikut merupakan karya-karya yang layak mendapat perlindungan berdasarkan Akta Hak Cipta 1987.
- I Filem Mat Kilau
 - II Lagu Keranamu Malaysia
 - III Resepi Cendol Durian King
 - IV Label Biskut Cheese
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
27. Pemyataan manakah yang benar mengenai rizab?
- A Pinjaman peribadi peniaga kepada perniagaan
 - B Keuntungan yang diperoleh daripada hasil pelaburan
 - C Modal yang diperoleh daripada bank atau institusi kewangan
 - D Kemudahan kredit jangka pendek yang disediakan oleh bank
28. Maklumat berikut berkaitan dengan kelemahan sejenis pembiayaan.

Barang kemas milik Puan Azleeya yang dicagarkannya akan diambil oleh pembiaya jika beliau gagal menjelaskan pinjaman.

Apakah jenis pembiayaan tersebut?

- A Sewa beli
- B Pajakan
- C Gadaian
- D Overdraf

29. Gambar 4 menunjukkan sebuah agensi kerajaan yang memberi bantuan kewangan kepada peniaga.



Gambar 4

Antara skim yang ditawarkan oleh agensi di atas ialah

- I Skim Pembiayaan Peningkatan Perniagaan (SPiM)
- II Skim Pembiayaan Kontrak - I
- III Skim Pembiayaan Program Temannita
- IV Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Khadijah.

Puan Khadijah merupakan seorang pengusaha butik pakaian. Beliau bercadang untuk membuka sebuah cawangan baharu dengan cara membuat pinjaman modal awal daripada pihak bank.

Apakah kekuatan jenis pembiayaan pilihan beliau?

- A Tidak dikenakan bayaran faedah
- B Bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan
- C Tempoh masa yang segera dan ringkas
- D Pinjaman tidak memerlukan cagaran

31. Maklumat berikut berkaitan dengan pihak berkepentingan terhadap penyata kewangan.

- Panduan untuk pengagihan sumber dengan berkesan.
- Pertimbangan untuk pemberian ganjaran.

Siapakah pihak yang terlibat?

- A Pemegang saham
- B Pembiaya
- C Pihak pengurusan
- D Pembekal

32. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan nisbah pusing ganti stok?
- A Perniagaan produk keperluan harian mempunyai kadar pusing ganti stok yang rendah berbanding dengan perniagaan emas
 - B Peningkatan dalam nisbah pusing ganti stok menunjukkan pertambahan kecekapan dalam mengurus aset
 - C Penurunan dalam pusing ganti stok menunjukkan stok tidak laku
 - D Kadar pusing ganti stok yang rendah menunjukkan stok banyak terjual
33. Dokumen berikut merupakan format penyata aliran tunai.

Kedai Roti Ayu Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2024			
Butiran	Mac (RM)	April (RM)	Mei (RM)
Baki b/b			
<u>PENERIMAAN</u>			
W			
<u>PEMBAYARAN</u>			
X			

Apakah contoh butiran bagi W dan X?

	W	X
A	Komisen diterima	Belian tunai
B	Gaji	Modal
C	Iklan	Belanja utiliti
D	Belanja utiliti	Jualan tunai

34. Antara berikut, pernyataan manakah berkaitan dengan ciri-ciri usahawan yang bijak mengambil peluang perniagaan.
- A Encik Fidad mengadakan majlis perasmian kedainya di Kota Bharu
 - B Puan Alina menggunakan wang simpanannya sendiri untuk membeli barang niaga
 - C Encik Haris mencipta pelbagai jenis resepi masakan
 - D Puan Afiah membuka kedai dobi di kawasan perumahan baharu

35. Antara berikut, yang manakah sumbangan usahawan kepada negara?

- A Menawarkan pelbagai produk
- B Menyediakan peluang pekerjaan
- C Mewujudkan ketenteraman dengan mengurangkan kadar jenayah
- D Menggalakkan pengaliran masuk modal asing

36. Apakah bentuk perniagaan yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- I MZ Maju Enterprise
- II Deen dan Anas Sulaman Emas
- III Koperasi Pertama Berhad
- IV Abraj Management Sendirian Berhad
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Puan Halimah.

Puan Halimah menjalankan perniagaan menjual makanan haiwan peliharaan. Pada 1 Februari, beliau membeli 30 kampil makanan kucing secara kredit daripada pembekal. Pada 10 Februari, Puan Halimah membawa sekampil makanan kucing ke rumah untuk kucing peliharaan anaknya.

Apakah dokumen perniagaan yang terlibat dalam situasi di atas?

- I Memo
- II Resit rasmi
- III Slip daftar tunai
- IV Invois
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

38. Pemyataan berikut berkaitan dengan campuran pemasaran.

Syarikat Tunjong Berhad telah menambah baik kotak pembungkusan agar lebih menarik dan memasukkan status halal bagi meningkatkan jualan.

Apakah elemen pemasaran tersebut?

- A Harga
- B Promosi
- C Pengedaran
- D Produk

39. Gambar 5 berkaitan dengan satu kaedah promosi.



Gambar 5

Pernyataan manakah yang menerangkan gambar tersebut?

- A Memujuk dan mempengaruhi pelanggan untuk membeli sesuatu produk
- B Maklumat lebih diyakini oleh pelanggan
- C Pemberian pelbagai insentif untuk menarik minat pelanggan
- D Pertemuan secara bersemuka dengan bakal pelanggan

40. Antara berikut, butiran manakah yang dimasukkan dalam rancangan operasi sesebuah rancangan pemiagaan?

- I Pesaing pemiagaan
 - II Carta alir proses
 - III Senarai keperluan bahan mentah
 - IV Senarai keperluan pejabat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK PERNIAGAAN K1